

Kongres rumus teruskan pembangunan Kelantan

7 NOV 1999

KOTA BHARU 6 Nov. — Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru yang berakhir di sini lewat petang ini merumuskan 50 resolusi untuk dijadikan pelan bertindak bagi meneruskan agenda masa depan pembangunan Kelantan.

Resolusi-resolusi itu diumumkan oleh Pengerusi seminar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali pada akhir kongres.

Katanya, ia akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secepat mungkin untuk penelitian dan tindakan.

Resolusi merangkumi pelbagai aspek termasuk agama, ekonomi, pertanian, usahawan, pelaburan dan lain-lain.

Mengenai agama -

- Islam adalah agama bersifat fitrah sesuai pada setiap tempat dan masa.
- Islam tidak pernah memuliakan golongan miskin kerana kemiskinan lebih mudah mendorong kepada kekufuran.
- Islam menghendaki setiap Muslim bekerja untuk menambah rezeki.
- Harta hak milik Allah.
- Pemerintah wajib menyediakan peluang pekerjaan kepada setiap rakyat.
- Umat Islam kini tidak mempunyai perbezaan pendapat berhubung akidah tetapi berbeza berhubung aspek pentadbiran keduniaan seperti politik, ekonomi dan sosial.
- Dakwah bukan tugas yang ditentukan kepada ulama atau tok guru tetapi semua orang.

● Membangunkan kawasan pelancongan yang berpotensi.

● Dalam aspek pelaburan merangka program menarik minat pelabur luar.

● Mengumpul dana atau sumber kewangan

● Pembangunan usahawan menjalankan program bersepadu dengan kerjasama badan pelaksana.

● Kemudahan prasarana, sokongan dan galakan.

● Membangunkan industri baru.

● Membangunkan perniagaan kampung dan kecil-kecilan.

● Mewujudkan kawasan industri baru yang bersistematik.

● Merangka dan melaksana projek-projek mega umpamanya industri cari gali minyak dan menyediakan peluang pelaburan.

● Mendapatkan nasihat kepakaran, mewujudkan tabung modal teroka, memperkemas pengurusan tabung khairat dan mewujudkan pusat perdagangan bebas cukai.

Keusahawanan:

● Menggalakkan usahawan Kelantan menceburi pasaran luar.

● Mengambil peluang hubungan baik dengan Timur Tengah untuk menembusi pasaran.

● Menubuhkan Institut Latihan Usahawan